

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN
ISMAIL (KULIM BANDAR BAHARU)**

SOALAN

**DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [KULIM BANDAR
BAHARU]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berikan kadar jenayah indeks, non indeks dan jenayah juvana mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, “Jenayah Indeks”, bermaksud jenayah yang kerap dilaporkan dan mempunyai signifikansi yang memadai untuk dianggap sangat mustahak sebagai petunjuk kepada keadaan jenayah. Jenayah Indeks terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu Jenayah Kekerasan dan Jenayah Harta Benda.

“Jenayah Bukan Indeks” pula adalah kes-kes jenayah selain dari yang disebutkan di bawah kategori Jenayah Indeks. Contoh kes adalah seperti ugutan jenayah, khianat, hasutan dan lain-lain. Kekekrapan kejadiannya tidak boleh dijadikan pengukur trend jenayah.

Statistik Jenayah Indeks seluruh negara pada tahun 2017 mencatatkan sebanyak 99,168 kes, 2018 sebanyak 88,662 kes, 2019 sebanyak 83,456 dan bagi tahun 2020, sebanyak 47,684 kes sehingga September. Jenayah Bukan Indeks pula mencatatkan jumlah sebanyak 71,187 kes pada tahun 2017, 66,105 kes pada tahun 2018, 68,012 kes pada 2019 dan bagi tahun 2020, 56,600 kes sehingga September.

SOALAN NO : 397

Pecahan Statistik Jenayah Indeks dan Jenayah Bukan Indeks mengikut negeri bagi tahun 2017 sehingga September 2020 adalah seperti **JADUAL 1**.

Manakala juvana yang ditangkap bagi siasatan di dalam Jenayah Indeks dan Jenayah Bukan Indeks bagi tahun 2017 mencatatkan jumlah sebanyak 12,257 orang. Diikuti seramai 9,270 orang juvana ditahan pada tahun 2018 dan seramai 8,029 orang pada tahun 2019. Manakala bagi tempoh Januari hingga September 2020, seramai 5,658 orang juvana ditahan bagi membantu siasatan.

Pecahan Statistik penglibatan juvana dalam Jenayah Indeks dan Jenayah Bukan Indeks mengikut negeri bagi tahun 2017 sehingga September 2020 adalah seperti **JADUAL 2**.

JADUAL 1: Statistik Jenayah Indeks Dan Jenayah Bukan Indeks Bagi Tahun 2017, 2018, 2019 dan 2020

BIL	NEGERI	TAHUN 2017			TAHUN 2018			TAHUN 2019			TAHUN 2020 (JAN-SEPT)		
		JUMLAH	INDEKS	NON- INDEKS	JUMLAH	INDEKS	NON- INDEKS	JUMLAH	INDEKS	NON- INDEKS	JUMLAH	INDEKS	NON- INDEKS
1	JOHOR	24,121	11,307	12,814	22,226	10,338	11,888	21,291	9,870	11,421	14,261	5,574	8,687
2	KEDAH	11,480	6,759	4,721	10,217	6,221	3,996	9,296	5,615	3,681	6,475	3,020	3,455
3	KELANTAN	8,336	4,520	3,816	7,288	3,987	3,301	6,008	3,545	2,463	4,141	1,874	2,267
4	KUALA LUMPUR	23,126	13,482	9,644	20,034	12,127	7,907	19,045	11,172	7,873	11,820	5,915	5,905
5	MELAKA	4,727	3,097	1,630	4,306	2,800	1,506	4,247	2,561	1,686	3,314	1,328	1,986
6	NEGERI SEMBILAN	7,393	3,973	3,420	7,428	3,673	3,755	6,019	3,327	2,692	3,982	1,769	2,213
7	PAHANG	6,257	3,607	2,650	6,468	3,584	2,884	6,544	3,271	3,273	4,100	1,720	2,380
8	PERAK	9,952	5,326	4,626	8,902	5,128	3,774	9,100	4,912	4,188	6,024	2,544	3,480
9	PERLIS	1,234	603	631	1,198	563	635	1,277	527	750	897	275	622
10	PULAU PINANG	9,235	5,551	3,684	8,549	5,017	3,532	9,404	5,218	4,186	5,837	2,635	3,202
11	SABAH	11,770	6,236	5,534	11,535	6,151	5,384	11,652	5,745	5,907	7,065	2,749	4,316
12	SARAWAK	10,202	6,381	3,821	10,555	5,830	4,725	10,401	6,023	4,378	9,802	4,404	5,398
13	SELANGOR	38,840	26,069	12,771	33,064	21,420	11,644	34,019	19,800	14,219	23,420	12,331	11,089
14	TERENGGANU	3,682	2,257	1,425	2,997	1,823	1,174	3,165	1,870	1,295	3,146	1,546	1,600
JUMLAH		170,355	99,168	71,187	154,767	88,662	66,105	151,468	83,456	68,012	104,284	47,684	56,600

JADUAL 2: Statistik Penglibatan Juvana Dalam Jenayah Indeks Dan Jenayah Bukan Indeks Bagi Tahun 2017, 2018, 2019 dan 2020

BIL	NEGERI	TAHUN 2017			TAHUN 2018			TAHUN 2019			TAHUN 2020 (JAN-SEPT)		
		JUMLAH	INDEKS	NON-INDEKS	JUMLAH	INDEKS	NON-INDEKS	JUMLAH	INDEKS	NON-INDEKS	JUMLAH	INDEKS	NON-INDEKS
1	JOHOR	1,800	1,132	668	1,275	900	375	1,190	800	390	997	195	802
2	KEDAH	906	752	154	702	553	149	720	568	152	418	89	329
3	KELANTAN	680	514	166	556	402	154	402	287	115	304	98	206
4	KUALA LUMPUR	1,341	697	644	647	488	159	581	365	216	309	109	200
5	MELAKA	462	334	128	332	234	98	352	251	101	232	36	196
6	NEGERI SEMBILAN	629	390	239	488	339	149	382	289	93	247	76	171
7	PAHANG	768	616	152	496	379	117	504	385	119	333	102	231
8	PERAK	874	602	272	704	491	213	510	368	142	399	100	299
9	PERLIS	213	135	78	211	161	50	103	57	46	89	29	60
10	PULAU PINANG	639	448	191	553	392	161	585	376	209	275	52	223
11	SABAH	675	498	177	542	401	141	532	401	131	400	93	307
12	SARAWAK	734	582	152	637	486	151	551	411	140	562	161	401
13	SELANGOR	2,060	1,494	566	1,720	1,280	440	1,366	1,013	353	898	282	616
14	TERENGGANU	476	366	110	407	307	100	251	207	44	195	56	139
JUMLAH		12,257	8,560	3,697	9,270	6,813	2,457	8,029	5,778	2,251	5,658	1,478	4,180